

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Sunday, 17 May, 2020 10:20 AM
To: norazlinaabdjilil@gmail.com
Subject: Fw: Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bincang Perkembangan Semasa Covid-19

Daripada: UUM CORPORATE COMM.

Dihantar: 04 Mei 2020 12:32

Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students

Subjek: Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bincang Perkembangan Semasa Covid-19



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

4 MEI 2020 / 11 RAMADAN 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: UUM Corporate Comm.

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA BINCANG PERKEMBANGAN SEMASA COVID-19



UUM ONLINE: Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Universiti telah diadakan secara telesidang video Webex yang dipengerusikan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani bagi membincangkan laporan pemantauan serta kertas cadangan berkaitan pengurusan bencana Covid-19, baru-baru ini.

Fokus utama dalam mesyuarat tersebut ialah proses penghantaran pelajar pulang ke kampung halaman yang telah bermula sejak 28 April lalu.

Selain itu, turut dibentangkan laporan pemantauan oleh beberapa pusat tanggungjawab (PTJ) terlibat dan perkembangan terkini arahan kerajaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Dalam mesyuarat itu, Naib Canselor mengingatkan tentang kepentingan proses sanitasi dilakukan di tempat tumpuan ramai serta mengarahkan SOP dirangka sebagai persediaan staf yang akan masuk semula bekerja selepas tempoh PKP berakhir.

Mesyuarat itu turut disertai Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti, Ketua PTJ, Pengetua Inapan Siswa (INASIS) dan Unit Pengurusan Risiko Universiti sebagai sekretariat yang diketuai Pengarahnya, Shahrul Nizam Ahmad.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.